

DEWAN MAJLIS**Selasa, 2 Syaaban 1442 /16 Mac 2021****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL. **(Tidak Hadir)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari kedua pada hari ini, Selasa, 2 Syaaban 1442 bersamaan 16 Mac 2021 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ kerana dengan limpah rahmat-Nya jua kita dapat bersama-sama berkumpul hadir dalam majlis pagi ini untuk bersidang di Majlis Mesyuarat Negara Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نبي محمد صلى الله عليه وسلم, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan rahmat **اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** jua maka kita pada pagi semalam telah dapat menyaksikan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara ini yang selamat sempurna diselesaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan itu, majlis ini sepenuhnya ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan menjunjung tinggi atas keberangkatan baginda bercemar duli dan titah yang dikurniakan oleh baginda itu. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memberikan harapan tinggi kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya wadah strategik Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dapat memikirkan dan membahar perkara-perkara yang menjadi kepentingan rakyat dan negara khususnya berkaitan dengan perkembangan ekonomi agar lebih dinamik dan berdaya tahan. Oleh yang demikian, Ahli-Ahli Yang Berhormat, di samping menimbulkan isu-isu mukim dan kampung serta perniagaan, eloklah juga dapat memikirkan bagaimana negara kita dapat menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih *sustainable* selain penghasilan minyak dan gas serta mengurangkan perbelanjaan-perbelanjaan negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah juga bertitah mengenai dengan perlunya percambahan pendapat yang sihat yang dapat disuarakan secara dua hala. Baginda sangat prihatin dan berpandangan jauh tentang kebajikan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam dan adalah perlu bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk meneliti kembali dasar demi keutuhan kesejahteraan kehidupan rakyat.

Saya kira Ahli-Ahli Yang Berhormat semua telah dapat memberikan, telah dapat melihat dan membaca titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu dan seterusnya dapat pula memberikan pendapat dan pandangan serta meneliti sepenuhnya titah yang dibuat semalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara dan pada sidang membahar Usul-Usul Yang Diberikan Notis dalam Perkara V yang akan datang ini.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Perkara IV - Kertas-Kertas yang akan dibentangkan di atas meja. Kertas No. 1 Tahun 2021 oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya dengan segala hormat memohon izin kepada Yang Berhormat

Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja kertas No. 1 Tahun 2021 iaitu Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam tahun 2020 menurut Fasal 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Kertas No. 2 Tahun 2021 yang akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya dengan segala hormatnya memohon izin kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No.2 Tahun 2021 iaitu Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2021/2022. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah membuat pernyataan untuk membentangkan Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam tahun 2020 menurut Fasal 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam manakala Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ingin membentangkan Anggran Hasil dan Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2021/2022.

Oleh yang demikian, saya ingin memberikan keizinan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan untuk membawa dan membentangkan kertas-kertas yang dimaksudkan itu.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Perkara V - Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita, نبي محمد صلى الله عليه وسلم, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Syukur ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى yang telah mengurniakan rahmat taufik dan hidayah-Nya kepada kita semua untuk sama-sama hadir ke Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اللَّهُمَّ، Istiadat Pembukaan Rasmi Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini telah

disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kelmarin.

Maka di Dewan yang mulia ini, saya dengan sukacita mencadangkan satu Usul yang berbunyi, **“Majlis ini bersetuju meluluskan satu Usul menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan kurnia titah baginda di majlis ini kelmarin, hari Isnin, 1 Syaaban 1442 bersamaan 15 Mac 2021 bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara.”**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berkat keprihatinan dan kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia usaha bersepadu daripada agensi-agensi kerajaan mahupun bukan kerajaan serta seluruh lapisan masyarakat disertai dengan doa ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** negara kita telah berjaya membendung penularan wabak *COVID-19*.

Kita di Dewan yang mulia ini tentunya sama-sama merafakkan sembah setinggi-tinggi junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan dan pemedulian berterusan baginda terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk khususnya semasa penularan wabak *COVID-19*.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia sangat-sangat menghargai pengorbanan dan khidmat bakti yang telah diberikan oleh semua pihak yang terlibat terutama sekali para petugas barisan hadapan dan yang bertugas tanpa mengira risiko, masa dan penat lelah. Mudah-mudahan segala pengorbanan dan khidmat bakti itu akan diberikan ganjaran pahala yang berlipat ganda oleh **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**

Dalam mengukuhkan lagi usaha-usaha ke arah mengekang penularan wabak *COVID-19*, **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ**, Kementerian Kesihatan tidak lama lagi akan melancarkan Program Vaksinasi *COVID-19* bagi rakyat dan penduduk yang bermastautin di negara ini. Bagi memastikan keberkesannya, orang ramai diseru untuk memberikan kerjasama dan sokongan padu dengan mendapatkan suntikan vaksin *COVID-19* apabila program tersebut mula dijalankan pada satu tarikh yang akan ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sepertimana kita sedia maklum hasil pendapatan negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini, telah terjejas disebabkan ketidakpastian harga pasaran dan permintaan bekalan minyak dan gas. Meskipun demikian, pelaburan dan usaha ke arah menjana

pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi negara tetap giat dilaksanakan oleh kerajaan baginda akan membuahkan hasil.

Dalam mendukung usaha tersebut kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan disarankan untuk sentiasa meneliti dan mengemas kini dasar-dasar peraturan dan proses kerja masing-masing dalam usaha mengurangkan birokrasi ataupun *red tape* sebagai langkah ke arah meningkatkan produktiviti melalui pemberian perkhidmatan yang telus, cepat dan memuaskan.

Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sokongan dan komitmen daripada semua pihak terutama sekali pemegang dasar kerajaan sangat-sangat diperlukan. Dalam hubungan tersebut, persidangan ini hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya bagi membincangkan isu-isu kepentingan negara.

Baginda juga menyarankan supaya sesi muzakarah Ahli-Ahli Yang Berhormat bersama kementerian-kementerian diteruskan dari semasa ke semasa tanpa menunggu tibanya Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah bertitah mengenai usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk menjana peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak

tempatan dalam menangani isu pengangguran di negara ini.

Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam para pencari kerja tempatan diseru untuk tidak bersikap terlalu memilih pekerjaan. Mereka digalakkan untuk merebut peluang-peluang yang ditawarkan khususnya di sektor swasta. Selaku rakyat dan penduduk yang bertanggungjawab, kita tidaklah seharusnya terus bergantung dan mengharapkan bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan semata-mata.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada tahun ini Negara Brunei Darussalam telah mengambil alih peranan sebagai pengerusi *ASEAN* dengan tema "*We Care, We Prepare, We Prosper*". Selaku pengerusi *ASEAN*, Negara Brunei Darussalam akan mengambil peluang ini untuk menerajui kerjasama dalam pelaksanaan inisiatif yang menyumbang kepada pembangunan, keamanan dan kesejahteraan serantau khususnya dalam memajukan usaha-usaha pemulihan daripada kesan penularan wabak *COVID-19*. Dalam mendukung usaha ini kementerian-kementerian disarankan untuk mensejajarkan inisiatif masing-masing selaras dengan matlamat tema tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sepertimana yang kita telah sama-sama dengarkan dan ikuti kelmarin, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu sangat bernas dan sungguh tinggi nilainya. Kita semua di Dewan yang mulia ini serta seluruh rakyat dan penduduk khususnya warga perkhidmatan awam diseru untuk menanai dan melaksanakan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kita telah pun mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk mengemukakan satu Usul dan sebelum Usul ini kita bincangkan seterusnya saya ingin meminta supaya seorang ahli untuk menyokong Usul yang berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya menyokong sepenuhnya Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebentar tadi Yang Berhormat Penasihat Khas

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah membentangkan satu Usul bagi menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan titah dalam majlis ini pada hari Isnin 1 Syaaban 1442 bersamaan 15 Mac 2021.

Kenyataan Usul yang telah dibentangkan itu, telah disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Dengan kenyataan Usul yang telah dikemukakan dan dengan ucapan yang begitu jelas sekali yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, maka saya kira Usul ini sekarang kita bukakan untuk dibahaskan bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk membuat kenyataan.

Nampaknya senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membincangkan Usul ini sudah ada di depan saya dan agak panjang, maka saya meminta supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat memberikan pandangan masing-masing dengan tepat dan teliti supaya kita dapat melaksanakan tugas-tugas kita dengan sempurna. Saya sekarang mempersilakan Yang

Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Lebih dahulu, peramba / kaola / saya sukacita mengucapkan syukur ke hadrat Allah kerana dengan limpah kurnia-Nya peramba / kaola / saya dapat berdiri dan berada di dalam Dewan yang mulia ini bersama-sama rakan-rakan Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara 2021.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, peramba / kaola / saya merafak sembah yang taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi pihak semua rakyat dan masyarakat di Zon 2 dari Brunei Muara di atas kepimpinan yang Adil Laila Bahagia oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kejayaan keamanan kehormatan dan kemajuan telah dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat .

اللَّهُمَّ peramba / kaola / saya sukacita turut menyokong sepenuhnya dan

bersetuju atas cadangan Usul Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkia Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan bercemar duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 1 Syaaban 1442 bersamaan 15 Mac 2021.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, peramba / kaola / saya menyifatkan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan amanah, pedoman untuk kita semua bagi menuju destinasi yang tepat ke arah negara maju menjelang tahun 2035 khususnya dalam memastikan negara akan terus meningkatkan lagi kualiti kehidupan seluruh rakyat dan lapisan masyarakat Negara Brunei Darussalam.

Baginda menyentuh mengenai wabak koronavirus *COVID-19* sewajarnya kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ atas limpah rahmat kesihatan dan

kesejahteraan ke atas seluruh pelusuk rakyat di negara ini kerana dibebaskan daripada wabak koronavirus *COVID-19* dan ia jelas komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui barisan hadapan yang cukup komited yang terus meneruskan berkorban masa dan nyawa mereka bagi memastikan rantai wabak ini tidak menular dan oleh yang demikian, syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan syabas turut disampaikan seluruh rakyat di negara ini kerana memberikan kerjasama dan menghulurkan bantuan sewajarnya untuk membendungnya dengan semangat patriotisme rakyat pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada taat setia kepada negara dan agama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam sama-sama kitani berbincang dan berkongsi pendapat serta pandangan dalam beberapa aspek utama yang dititahkan adakah wajar kerana dengan ketelusan dan ketulusan sahaja kitani akan mampu mendapat kaedah dan hasil yang boleh menjana satu usaha yang berdaya saing dan berdaya tahan untuk membangun bangsa dan negara.

Ini termasuk kepada apa pun kebenaran memperbaiki ataupun kekurangan, membangun apa pun kelemahan dan mempertingkatkan apa yang longgar dalam sikap keterbukaan ini. Kita akan dapat melihat peluang pembaikan dan peningkatan dan apa yang dibincangkan

bukan hanya untuk kitani malah berguna untuk generasi akan datang sebagai pewaris kepada apa yang kita tinggalkan jika baik maka mudah bagi mereka. Jika sebaliknya maka cabaran besar pula memperbetulkan dan memperbaiki kesilapan kita. Justeru itu, kita sebagai pemimpin atau pemegang dasar perlu berani menghadapi apa juga cabaran masa kini supaya bangsa dan negara kita pada masa akan datang lebih bersedia mengharungi apa jua cabaran dengan berpandukan integrasi dan disiplin kita hari ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, melihat pula kepada aspek survival masyarakat masa kini pastinya banyak kekurangan yang boleh kita perbaiki seperti juga yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menyentuh mengenai Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan mungkin juga perlu dilihat daripada sudut Skim Caruman Pekerja (SCP).

Kenyataannya semakin ramai lepasan pensen yang memohon bantuan dan ia tidak wajar dan ini membuktikan dasar kita masih atau mungkin terdapat kekurangan dalam membantu dan mempertahankan warga kerja kita yang pernah berjasa dan memberikan sehabis baik usaha dalam tugas masing-masing. Kita perlu melihat kepada aspek ekonomi, yang berdaya tahan yang membolehkan mereka ini terlibat sama sebagai pelabur. Kita perlu melihat kepada peluang di sektor korporat dan swasta akan mana-mana peluang pelaburan yang boleh dan sesuai mereka terokai dan berhasrat supaya ia akan

memberikan manfaat dan boleh dimanfaatkan mereka serta tanggung jawab mereka sebagai satu sumber *survival* yang diperlukan.

Pada masa yang sama, kita perlu juga melihat kepada kemahiran dan kebolehan yang ada pada mereka supaya boleh dimanfaatkan oleh generasi baharu yang lebih memerlukan bimbingan berdasarkan pengalaman orang-orang lama kitani.

Syabas turut disampaikan kepada usaha pengurangan kadar pengangguran di negara ini, melalui *blueprint* ekonomi yang diungkapkan, ini membuktikan semangat kenegaraan yang tinggi selain membuktikan komitmen kerajaan dalam membantu menyediakan peluang pekerjaan.

Namun bukan bererti kita perlu puas hati kerana masih ada kelompok yang perlu diberikan perhatian seperti kelompok kurang berkemampuan akademik termasuk golongan belia. Apabila usaha kita membantu mereka yang berkelompok berpendidikan tinggi, laluan mereka jauh lebih terang berbanding kelompok ini. Pada realitinya mereka ini terdedah kepada risiko gejala yang tidak sihat atas sebab keperluan dan keadaan yang mendesak.

Jika kita lalai dan alpa akan kelompok ini, ruginya pasti kita juga akan menanggungnya dan atas sebab itulah kita perlu melihat kepada aspek kemahiran vokasional bagi kelompok ini supaya mereka turut bersaing dalam pasaran kerja berdasarkan kebolehan mereka dalam satu bidang yang khusus.

Berkaitan dengan menurunnya fiskal kerajaan pula, ekoran tidak menentunya harga minyak antarabangsa membuktikan kita perlu proaktif bertindak mencari satu atau lebih sumber pendapatan alternatif negara yang baharu.

Mungkin saja dalam masa terdekat ini, bukan sebagai pengganti hasil minyak negara namun sebagai penyokong fiskal yang semakin perlu untuk diberikan perhatian. Kita sedar dengan keadaan *COVID-19*, maka sumber pendapatan dari aktiviti seperti pelancongan, serta eksport adalah satu cabaran namun perlu kita pula lihat daripada aspek positifnya termasuk dalam amalan berbelanja di dalam negeri seperti yang dinyatakan telah banyak menyumbang kepada peningkatan pendapatan secara tempatan dan menurunkan kadar pengaliran wang kita ke luar negara.

Mengenai pemuzakarahan Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan kementerian-kementerian, peramba / kaola / saya merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana keprihatinan baginda mengikuti perkembangan sesi pemuzakarahan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Baginda juga menyentuh mengenai Negara Brunei Darussalam akan mempengerusikan mesyuarat peringkat *ASEAN* dan apa yang peramba / kaola / saya doakan semoga mesyuarat berkenaan akan berjalan lancar serta berjaya mencapai matlamatnya.

Akhirnya peramba / kaola / saya, ingin sama-sama menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih, Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah baginda yang amat jelas dan menunjukkan pemedulian dan kebijaksanaan baginda yang inginkan kesejahteraan dan kemakmuran semua lapisan rakyat.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya sekarang persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
وَمُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

وَقُلْ رَبِّ أَدْخِلْنِي مُدْخَلَ صِدْقِي وَأَخْرِجْنِي مُخْرَجَ صِدْقِي وَأَجْعَلْ لِي مِنْ
لَدُنْكَ سُلْطَانًا نَّصِيرًا ﴿٥٠﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri

di Jabatan Perdana Menteri, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Syukur ke hadrat ٱللّٰه سُبْحٰنَهُ وَتَعَالٰى kerana dengan rahmat dan izin-Nya juga membolehkan kita berkumpul di Dewan yang mulia ini dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Tahun 2021. Kaola dengan penuh takzim merafakkan sembah menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas perkenan keberangkatan baginda bagi merasmikan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara semalam dan dikesempatan yang penuh keemasan ini, sekali lagi kaola ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas kurnia titah baginda itu.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, baginda telah dengan rasa gembiranya mengurniakan ucapan tahniah yang hangat kepada para petugas barisan hadapan yang berkerja keras dan bertungkus-lumus menangani pandemik *COVID-19* hingga dapat dikawal dengan baik.

Dengan penuh bersepadu dan bersama-sama dengan seluruh jentera Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, disertai sokongan yang padu dan اَلْحَمْدُ لِلّٰه dukungan seluruh lapisan masyarakat dan rakyat serta penduduk negara, dengan izin dan kebesaran ٱللّٰه سُبْحٰنَهُ وَتَعَالٰى dan disertai dengan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Brunei

Darussalam telah menikmati *zero local case* seawal 6 Mei 2020.

Seterusnya dalam titah baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyarankan agar sesi muzakarah di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat Negara dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan seperti yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat pertama tadi agar diteruskan dari semasa ke semasa.

Sesungguhnya sesi muzakarah dan lawatan kerja yang telah diaturkan itu telah memberikan impak yang positif khususnya dalam memberikan maklumat yang tepat dan sekali gus menunjukkan hasil yang dicapai dalam berbagai-bagai projek kerajaan.

Dalam hubungan ini, kaola sukacita menyarankan dalam kesempatan yang penuh keemasan ini dan pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu diharapkan hasil permuzakarah dan percambahan fikiran serta perkongsian pandangan di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan pemegang dasar di kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan hendaklah mengambil mana-mana cadangan dan saranan serta pemikiran yang baik dan positif itu supaya dilaksanakan dengan secara berkesan dan dapat dilaksanakan secara *the whole of nation approach* bagi memastikan kejayaannya dan mana-mana yang memerlukan penguatkuasaan undang-

undang bagi menjayakannya hendaklah dilaksanakan dengan tegas dan konsisten serta berkesan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sebagai bukti kasih sayang baginda kepada rakyat dan negara, baginda juga telah menitahkan agar kerajaan dan rakyat berganding bahu memajukan sektor-sektor ekonomi, pendidikan dan lain-lain yang berkaitan dengan kehidupan rakyat dan dalam menjayakan pembangunan negara itu berlandaskan falsafah Negara Melayu Islam Beraja dan Wawasan Brunei 2035.

Akhirnya, sebelum mengundurkan diri kaola tidak lupa mengucapkan tahniah kepada Negara Brunei Darussalam yang telah diberikan penghormatan menjadi pengerusi pertubuhan *ASEAN* pada tahun ini dan tidak lupa juga kaola mengucapkan tahniah kepada Negara Brunei Darussalam melalui Majlis Mesyuarat Negara yang bakal menjadi hos tuan rumah Persidangan AIPA dalam bulan Ogos yang akan datang ini.

Sesungguhnya ini membuktikan Negara Brunei Darussalam mampu menjadi tuan rumah yang berjaya bagi penganjuran persidangan-persidangan penting peringkat serantau dan peringkat antarabangsa.

Akhir kalam kaola sukacita menyembahkan sekali lagi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah

mengurniakan titah di setiap Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara, sesungguhnya titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu adalah umpama pelita yang menerangi jalan menuju puncak jaya bagi pembangunan negara bangsa.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan

Perdana Menteri : بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لِرَبِّهِ لَكَنُفٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصُوا بِالحَقِّ وَتَوَّصُوا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis dan ahli-ahli Yang Berhormat.

Kaola terlebih dahulu mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih atas ruang yang diberikan kepada kaola untuk berucap secara ringkas mengenai menyokong Usul Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Usul menjunjung kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda bersempena Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Pemesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 1 Syaaban 1442 bersamaan 15 Mac 2021.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut merupakan nasihat dan saranan yang mencerminkan dengan jelas keprihatinan dan kebijaksanaan dan pandangan jauh baginda kepada memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk serta kemakmuran negara sentiasa terjamin terutama sekali dalam kita menghadapi berbagai-bagai cabaran masa kini dan akan datang yang tidak menentu. Dari pengamatan kaola dengan berasaskan kepada inti pati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu kaola sukacita ingin mengetengahkan beberapa perkara utama seperti yang berikut:

1. Komitmen seluruh lapisan masyarakat dan rakyat terutama sekali pemegang dasar kerajaan adalah sangat-sangat ditagih dan diperlukan dalam melaksanakan perkara yang sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan khususnya bagi pembangunan modal insan, ekonomi dan memperkukuhkan kedayatahanan fiskal negara. Dalam hal ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan pemegang dasar hendaklah memiliki sifat telus dan berani; dan

2. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menitahkan supaya sesi muzakarah di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan pihak kerajaan perlu diteruskan dari semasa ke semasa tanpa menunggu Majlis Mesyuarat Negara bersidang di samping menyarankan agar Ahli-Ahli Yang Berhormat berbincang dengan rancak tapi sihat terutama perkara yang membawa kepada kepentingan rakyat dan negara.

Dalam hal ini kaola menyanjung tinggi titah baginda berkenaan dan mengajak kitani semua untuk berbincang dengan mengamalkan sifat keterbukaan dan syura serta memberi dan menerima pandangan serta pendapat dalam isu yang ditimbulkan.

Kaola berpendapat itu merupakan kurnia pandangan yang membina dan berguna untuk dijadikan rujukan dalam membuat keputusan kerana setiap pandangan itu ibarat satu helai benang jika ia dikumpulkan dan dijadikan satu nescaya ia akan teguh dan kuat dan sukar untuk diputuskan.

Kaola sangat menghargai segala sokongan pandangan dan cadangan bernas serta ikhlas daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam sesi-sesi

permuzakarahan bersama pihak kerajaan khasnya dalam menangani isu-isu utama dan bermakna iaitu *meaningful* yang dihadapi oleh orang ramai. Apatah lagi dalam penglibatan berterusan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam berbagai-bagai aktiviti kemasyarakatan, kebelaian, perniagaan dan seumpamanya semata-mata demi kepentingan rakyat dan penduduk serta Negara Brunei Darussalam.

Kaola dengan tulus ikhlas mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan tahniah atas kejayaan yang dicapai oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan berharap kerjasama padu dengan pihak kerajaan akan dapat ditingkatkan dan diteruskan lagi kepada penghasilan impak yang signifikan bermakna dan diperlukan oleh negara dari tahun ke tahun. Oleh itu, langkah dan sikap beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat datang bersemuka ke Jabatan Perdana Menteri bagi membincangkan dan bertukar-tukar fikiran mengenai masalah-masalah di atas adalah sangat-sangat dihargai dan disanjung, "kecil tapak tangan nyiru kami tadahkan."

3. Mengenai program *Fiscal Consolidation* yang diperkenalkan pada Tahun Kewangan 2018/2019 telah mula nampak hasilnya. Dalam hal ini, pada pendapat kaola inisiatif di bawah program *Fiscal Consolidation* juga akan meliputi penelitian dan pengemaskinian dasar peraturan serta proses di pihak kerajaan pada menghasilkan

peningkatan produktiviti (*productivity gains*), penjimatan kos (*cost saving*) dan penjanaaan pendapatan (*revenue generation*). Antara lain melalui kecekapan proses dalam memberikan perkhidmatan orang ramai dengan lebih mudah, cekap dan mesra pengguna. Semua ini perlu kitani fikirkan, rancang dan laksanakan bersama dengan mendukung pertumbuhan ekonomi yang mampan atau *sustainable* dan kesinambungan fiskal terutama dengan harga minyak yang tidak menentu di samping mengharungi cabaran membendung penularan *COVID-19* yang memberikan kesan kepada ekonomi dan sosial. Cabaran-cabaran sedemikian sudah setentunya akan menguji rancangan kita. Oleh itu ia menuntut kita untuk menjadi sektor awam lebih cekap, tangkas, *agile* dan progresif.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, titah-titah baginda berkenaan hendaknya kita junjung setinggi-tingginya dalam berbincang isu-isu utama yang menjadi kepentingan negara dan menyumbang إِنْ شَاءَ اللَّهُ kepada keharmonian bermasyarakat hendaklah sentiasa menjadi keutamaan. Kitani akan berbincang dalam beberapa hari ini dengan sifat terbuka mengamalkan perbincangan serta memberi dan menerima pandangan serta pendapat antara satu sama lain demi untuk kepentingan negara dan rakyat sepertimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Akhir sekali, kaola ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia titah baginda.

Sekian. وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian. Kaola menyokong sepenuhnya Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dengan rendah diri kaola menyembahkan berbanyak-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan menyampaikan titah pada hari Isnin, 1 Syaaban 1442 bersamaan 15 Mac 2021.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola amat menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa titah baginda dalam perlunya pelaksanaan pembangunan modal insan, pembangunan berterusan ekonomi dan mengukuhkan lagi kedayatahanan fiskal negara dengan merancang dan memfokuskan kepada aktiviti-aktiviti perekonomian yang lebih mendatangkan hasil dan mendatangkan keberuntungan yang ketara kepada negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola juga amat menjunjung kasih atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk sesi muzakarah yang telah diadakan dengan beberapa kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, seterusnya mengadakan lawatan-lawatan kerja atau *field trip* ke tapak-tapak projek, kawasan pembangunan dan kemajuan yang sedang dibuat pada masa ini bagi sama-sama melihat serta menilai perkembangannya. Semoga sesi muzakarah yang seperti ini akan dapat diteruskan pada masa hadapan.

Ketidaktentuan harga minyak global juga telah mengakibatkan fiskal kerajaan dan hasil pendapatan negara telah menurun. Langkah-langkah drastik perlu diambil bagi mengatasi perkara ini. Sektor swasta yang berpotensi untuk menjana hasil yang tinggi dalam jangka masa pendek dan sederhana perlu difokuskan dan direalisasikan pada kadar segera dengan peruntukan belanjawan yang telah dirancang dan ditetapkan. Pemantauan, peningkatan serta pengemaskinian hasil pendapatan atau *revenue* kerajaan melalui kementerian-kementerian perlu difokuskan dan diperkasakan lagi. Tumpuan mestilah diberikan kepada usaha untuk meningkatkan *revenue* di samping mengurangkan perbelanjaan yang ada. Penswastaan atau *privatization* bagi sebahagian perkhidmatan awam mestilah dilihat secara serius, holistik dan praktikal dengan banyak kebaikan akan dapat diperolehi oleh semua pihak.

Perlu juga dibuat kajian balik tentang struktur subsidi yang ada pada masa ini mungkin boleh diperkenalkan apa yang dikatakan sebagai subsidi bersasar yang mengkhususkan dan mengkategorikan kumpulan-kumpulan yang layak menerima subsidi. Jangan lupakan peranan-peranan syarikat-syarikat yang dipunyai oleh kerajaan atau (*GLC*) perlu dilihat balik akan keberkesannya dalam kemampuan masing-masing bagi menjana pendapatan yang lebih baik dan realistik. Di samping itu ingin melihat peranan *GLC* sebagai pelabur atau *investor* dan bukannya berperanan sebagai operator perniagaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Tabung Amanah Pekerja yang mensasarkan pulangan pelaburan sebanyak 6% kepada ahli-ahlinya masih belum tercapai. Sehubungan dengan itu, dicadangkan agar pihak TAP untuk menerokai serta mengenal pasti peluang-peluang pelaburan di dalam negara seperti menceburi pelaburan dalam bidang hartanah bagi keperluan kerajaan, rakyat pengusaha-pengusaha di dalam negeri. Di samping itu, melihat kepada pelaburan di luar negara yang mahu mendatangkan hasil pulangan pelaburan baik seperti bidang-bidang estet penyewaan bangunan dan hotel di tanah suci dan seumpamanya. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kadar pengangguran telah didapati menurun, kursus-kursus pendek dan sederhana yang lebih relevan untuk para pelamar pekerjaan supaya akan dapat ditambah nilai dan dipelbagaikan lagi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola juga amat menjunjung kasih atas

perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi mesyuarat *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly* kali ke-42 secara *virtual* pada 23 hingga 25 Ogos yang akan datang ini.

إِنَّ شَاءَ اللّٰهُ Dalam usaha gigih semua pihak bukan hanya pihak kerajaan malah juga di pihak swasta secara *Whole of Nation Approach* sebagai apa yang kitani usahakan dan bincangkan akan berjaya. آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ .

Sekian وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ عَلَیْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola lebih dahulu ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan limpah kurnia

titah baginda bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara, pada hari Isnin, 1 Syaaban 1442 bersamaan 15 Mac 2021.

Titah baginda sesungguhnya cukup bernas dan sangat bermakna untuk kita semua junjung dan renungkan sedalam-dalamnya kerana ia bukan sahaja mengandungi nasihat malahan juga sebagai hala tuju dan peringatan bagi kita dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab kita. Ia juga mencerminkan keprihatinan dan kebijaksanaan baginda dalam memastikan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara sentiasa terjamin.

Titah baginda itu juga telah memberi kita semangat untuk terus bekerja dengan lebih gigih dan 'lutan' dan memastikan segala amanah dan tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan lebih telus dan efisien walaupun pelbagai cabaran yang dihadapi ketika musim pandemik ini akan tetapi jentera kerajaan masih tetap berjalan dan berkembang.

Kementerian Pembangunan menjunjung tinggi titah baginda mengenai dengan isu pengangguran, yang mana pihak *The Manpower Planning And Employment Council (MPEC)* telah dapat menurunkan kadar pengangguran pada masa ini. Sejalan dengan usaha pihak *MPEC* melalui peneraju-peneraju pelbagai sektor dalam memastikan kadar pengangguran secara holistik di negara ini dapat dikawal dengan meneroka

bahagian-bahagian yang dapat memberi peluang pekerjaan, Kementerian Pembangunan juga turut mendukung usaha dalam mengembangkan minat, pengetahuan, kemahiran dan keyakinan diri para-para lepasan graduan tempatan khususnya kepada belia-belia yang belum mempunyai pekerjaan bagi menceburi di dalam sektor industri pembinaan.

Ini termasuk peranan kementerian pembangunan selaku peneraju bagi *Manpower Industry Steering Committee (MISC) - Construction* bahawa kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan agensi pengawal selia, industri dan institusi Pendidikan dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran peluang-peluang pekerjaan, tenaga pekerja tempatan dan memastikan pencari pekerjaan dan lepasan graduan tempatan memperolehi kemahiran dan kecekapan yang relevan dalam sektor industri pembinaan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ pihak kementerian akan terus berusaha bagi memastikan anak-anak tempatan adalah *marketable* dan *knowledgeable* dalam bidang industri pembinaan ini dengan meneruskan program-program Latihan kemahiran seperti *Architect, Mechanical And Engineers, Civil & Structural (ARMECS) Bridging Programme* dengan kerjasama arkitek - arkitek, jurutera - jurutera profesional dan politeknik Brunei yang sedang berjalan pada masa ini. Sebarang cadangan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk sama-sama menambahbaik inisiatif yang sedia adalah sangat dialu-alukan.

Akhir sekali kaola inigin menyembahkan sekali lagi setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda dan seterusnya berdoa semoga baginda serta kerabat baginda sentiasa sihat walafiat dan di bawah perlindungan **jua. Sekian,**
 وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan

Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenaan mengurniakan titah pada hari kelmarin.

Baginda telah menekankan atas beberapa perkara yang kaola ingin beri buah fikiran dan cadangan untuk menyokong titah baginda:-

Pertama - mengukuhkan lagi cara-cara berganding bahu dan bekerja senegara. Kaola mengimbas balik kepada acara perbarisan lalu pada hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, bahawa perbarisan lalu itu lebih mempamerkan sektor-sektor dan bukan seperti cara kebiasaan iaitu pasukan yang terdiri daripada kementerian-kementerian, syarikat dan persatuan.

Ianya memperlihatkan semangat kerjasama yang dilakukan bagi menjayakan acara tersebut dengan cara yang *foreward thinking*. Ini menunjukkan dalam pelaksanaan jangka panjang aspirasi negara juga dapat dicapai dengan lebih efektif dengan kerjasama *Whole Of Nation*.

Kitani masih dapat membenteng dan memberi berlainan pendapat serta cara yang berlainan akan tetapi hala tuju tetap sama dan di sinilah kesatuan amat penting. Kaola juga ingin mencadangkan untuk menilai semula Projek Program Khidmat Bakti Negara, pengalaman sewaktu menangani *COVID-19* ini telah membuka mata kitani atas kepentingannya persediaan bagi menyokong perkhidmatan Kementerian Kesihatan. Bayangkan sahaja apa kiranya negara kitani terdapat sokongan

persediaan dalam perkhidmatan kesihatan melalui khidmat bakti negara.

Perkara ini juga boleh mendukung Wawasan Brunei 2035 iaitu Tujuan 2 - Gaya Hidup Sihat.

PKBN ini adalah cuma salah satu contoh platform tetapi cadangan ini boleh juga dijadikan sebagai program taraf kebangsaan yang inklusif dan tidak terhad kepada umur belia kerana ianya menerapkan cara kemahiran pembelajaran sepanjang hayat iaitu *life long learning*.

Perkara ini merintis jalan kepada alumni Brunei untuk memasuki industri kesihatan malahan bagi melatih tenaga manusia untuk membantu khidmat masyarakat seperti menjaga warga emas dan juga semasa krisis kemanusiaan atau bencana alam.

Khidmat kepada masyarakat perlu melebihi dari sekadar sikap reaktif itu harus dicantumkan kepada jiwa keadaan manusia sehingga kita dapat menjadi pemacu kemajuan negara.

Kedua - Tadbir Urus Yang Berkesan dan Mengupayakan Ketelusan.

Saya menyambut baik usaha Jabatan Perdana Menteri dan melalui jabatan-jabatan yang berkenaan dan juga Kerjasama kementerian-kementerian untuk meningkatkan lagi ketelusan proses perkhidmatan. Namun begitu, proses cuma adalah sebahagian dari mekanisme ketelusan yang efektif. Baginda menekankan tanggungjawab

pemegang dasar dan penyampaian dasar yang efektif.

Saya berharap inisiatif untuk mentransformasikan negara melalui *Digital ID* dan *Digital Payment* dan *People Hub* sebagai contoh akan lebih meluas dalam pelancarannya, bukannya dari segi *efficiency* tetapi untuk membuktikan bahawa tadbir urus yang berkesan dan proses yang telus adalah rangka kerja untuk pencapaian Wawasan Brunei 2035. Mungkin dalam reviu mengenai Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam, program latihan kitani dapat lebih mencerminkan *trend* masa depan seperti *Web 3.0 Immersive and Inductive Learning Knowledge in AR and VR* sebagai contoh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Ketiga - Transformasi dan interoperabiliti ekosistem Brunei Darussalam dalam perdagangan penting sebagai kerangka untuk menyokong pelan pembangunan ekonomi Brunei.

Transformasi digital dapat memaksimumkan potensi sumber manusia dan proses organisasi bersama dengan pengukuhan ekosistem keusahawanan, belia dianggap sebagai beberapa jalan yang menyokong rangka tindakan ekonomi. Namun saya ingin menekankan bahawa ada masih cabaran-cabaran yang kita hadapi dalam mengatasi mekanisme *export supply change infrastructure* yang telah menjadi lebih mencabar dalam keadaan wabak global.

Brunei Darussalam mempunyai akses ke banyak "Free Trade Agreement" dan sebagai Pengerusi *ASEAN* pada tahun 2021.

Dicadangkan supaya kitani memikirkan cara bagi meningkatkan *infrastructure connectivity* bagi pembekal logistik bagi memperluaskan peluang eksport melalui *Platform G to G*, sebagai contoh memastikan jadual penghantaran tetap atau *guaranteed loading time slots* di pelabuhan.

Pengusaha dalam sektor pembuatan dan pertanian memahami bahawa skala pengeluaran yang besar yang akan memastikan *sustainability* pelaburan mereka, namun akses fizikal untuk membawa produk ke pasaran akan memerlukan pendekatan yang lebih inovatif oleh semua *stakeholders*.

Kita merenungkan impak coronavirus bukan untuk negara kita sendiri, tetapi di seluruh dunia dan saya menghargai *openness* yang terus dilakukan oleh *forever frontliner* negara iaitu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dalam semangat saling menghormati dan tekad kita senegara terus sebenarnya "*Invested In Our Future*". Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola menyokong sepenuhnya akan Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan banyak-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara yang berkenan dan berkenan yang mengurniakan titah pada hari Isnin, 1 Syaaban 1442 bersamaan 15 Mac 2021.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola berdiri di Dewan yang mulia ini bagi mengutarakan Usul yang dalam pemikiran kaola mustahak untuk dibincangkan dan diteliti. Kaola yakin Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju bahawasanya titah baginda penuh dengan amanat, panduan, harapan dan kepercayaan terhadap kemampuan masyarakat kita untuk berkembang maju dan berdaya tahan. Ini menggambarkan

kearifan dan kecekapan baginda sebagai pemimpin negara dalam memastikan ketenteraman dan keselamatan rakyat negara ini akan terus-menerus akan dirahmati oleh *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Syukur *اللَّهُ* walaupun negara kita dilanda berbagai-bagai cabaran pada tahun lepas beberapa peningkatan positif dapat dilihat dalam berbagai-bagai usaha dari sektor kerajaan, swasta dan sokongan berterusan daripada orang awam yang telah menyumbang dalam memastikan pembangunan negara.

Kaola ingin mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pekerja barisan hadapan dan mereka yang terlibat dari pelbagai sektor dan lapisan rakyat atas usaha bersama dan kerja keras yang berterusan untuk menjaga kesihatan, keselamatan dan mematuhi garis panduan yang dijalankan secara holistik dalam berhadapan dengan pandemik *COVID-19* sehingga kini.

Ini satu pencapaian negara yang harus dibanggakan kerana ia membuktikan bahawa kita mampu untuk mengawal dan menghadapi apa jua cabaran jika kita mengukuhkan *whole of nation approach* dari pelbagai sektor dan hala. Kaola percaya dengan adanya ketelusan dan kepercayaan dari semua pihak akan mengukuhkan lagi usaha sama di antara semua.

Tahniah dan syabas kepada *Manpower Planning Employment Council (MPEC)* kerana juga berjaya menurunkan kadar pengangguran negara. Ini salah satu contoh *whole of nation approach* yang

merangkumi antaranya 5 kluster iaitu kluster tenaga, pembinaan, *IT, hospitality* dan pelancongan serta maritim telah bekerjasama secara hubungan 3 pihak iaitu *tripartite* dalam pengawalseliaan, perindustrian dan pendidikan. Kita memerlukan ekonomi yang kuat dan dinamik untuk memastikan rakyat mendapat peluang pekerjaan yang baik. Diharap *MPEC* akan terus meningkatkan lagi inisiatif dalam memberikan peluang-peluang yang ada kepada anak-anak tempatan kita melalui sebagai program pembangunan tenaga kerja yang sesuai dan efisien dengan mengambil kira kemahiran-kemahiran yang diperlukan pada masa ini.

Penglibatan dan maklum balas daripada pihak industri penting dalam memberikan bimbingan dan penempatan latihan kerja. Walaupun kita masih terkesan dengan pandemik *COVID-19*, ia tidaklah menyekat perancangan pembangunan ekonomi semua pihak untuk mencapai fiskal negara yang berdaya tahan. Ini dapat dilihat melalui pelancaran dan pemberitaan dalam beberapa pelan utama, pelan strategik, rangka kerja dan polisi terkini oleh kementerian-kementerian dalam merangka perancangan demi perubahan negara yang lebih baik seperti *Brunei Darussalam Economic Blueprint* dan *Digital Economy Masterplan 2021-2025* yang ingin dicapai berdasarkan hala tuju Wawasan Brunei 2035.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

bertitah bahawa dalam persidangan ini perbincangan janganlah *di/limit* untuk menyekat pandangan atau pendapat daripada ahli kerana sesungguhnya peluang di sini tidak banyak cuma sekali setahun. Oleh itu, wajarlah para ahli berbincang dengan rancak tetapi sihat. Kaola juga merasa gembira bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengikuti perkembangan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam mengadakan sesi muzakarah bersama kementerian-kementerian. Jelaslah bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan kepercayaan dan harapan yang tinggi kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam memberikan pandangan serta buah fikiran dalam membantu bukan sahaja pihak kerajaan bahkan semua pihak dalam mencapai resolusi bagi isu-isu baharu dan lama yang telah dibangkitkan. Ini kerana perkembangan yang diharapkan belum lagi terlihat dan belum menampakkan hasil sedangkan isu-isu tersebut berkait rapat dengan kemajuan negara.

Usul kaola ialah mengenai sesi-sesi muzakarah yang hanya diadakan setahun sekali iaitu sebelum Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara. Kaola ingin mengusulkan sekali lagi bahawa kaola pernah mengusul pada tahun 2018 supaya pada sesi-sesi muzakarah yang akan datang akan dapat merangkumi pelbagai sektor yang dihadiri oleh pihak-pihak yang terlibat dan berkepentingan supaya muzakarah

itu nanti akan memberikan hasil yang lebih produktif dan berkesan bagi berbagai-bagai isu yang dibangkitkan terutama sekali isu-isu yang melibatkan pembangunan negara dan kerjasama beberapa kementerian yang memerlukan perbincangan pelbagai hala (*crosscutting*).

Kaola juga mengusulkan supaya perbincangan ini boleh dilaksanakan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi dalam bentuk muzakarah peringkat sub-komiti atau jawatankuasa pandu. Jika ini diadakan maka lebih banyak masa boleh dijimatkan dan interaksi juga akan lebih efektif dan tidak terhad kepada hanya perbincangan sahaja seperti lazimnya dijalankan di peringkat sebuah kementerian yang perbincangan lebih memfokuskan kepada isu-isu dalam satu kementerian sahaja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, tahun ini juga merupakan tahun yang sangat bermanfaat bagi negara kita kerana kita berbesar hati menerima komitmen negara untuk menjadi pengerusi tuan rumah bagi *ASEAN* bahawa tema kita ialah "*We Care, We Prepare, We Prosper*". Kita juga haruslah mengambil peluang ini dalam mengukuhkan usaha kerjasama di peringkat negara dan juga serantau.

Tiga fokus utama tema *ASEAN* pada tahun ini lebih menjurus kepada menitikberatkan kesejahteraan rakyat dan negara, bersiap sedia untuk mengambil peluang-peluang dan cabaran yang akan datang serta bersatu

sama bagi mencapai kemakmuran di peringkat negara dan serantau. “*Let Us Care and Recover, Prepare For Stronger Unity and Prosper Together* - sama-sama”.

Pada masa yang sama negara kita juga akan mempengerusikan *ASEAN Interparliamentary Assembly AIPA* yang ke-42 pada bulan Ogos tahun ini dengan Brunei akan membentangkan kertas kerja mengenai “*Forging Parliamentary Cooperation in Digital Inclusion Towards ASEAN Community 2025*”.

ASEAN AIPA tahun ini memfokuskan kepada mempromosikan digital dalam mendukung ekonomi bagi perusahaan mikrokecil dan sederhana, mengukuhkan dan meningkatkan inklusi digital dalam mengurangkan kesan perubahan iklim serta mempromosikan pemerksaan wanita dalam pembangunan ekonomi melalui inklusi digital dan kewangan terutamanya dalam keadaan yang mencabar pada masa kini.

Dengan ini, kaola dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sangat berharap bahawa apa yang bakal dibincangkan dan dibahasakan di Dewan ini akan lebih bermanfaat untuk semua pihak. Ahli-Ahli Yang Berhormat sangat mengalu-alukan permuzakarahannya susulan dan perbincangan yang terbuka serta telus demi mencapai kesepakatan dan hasil positif untuk pertumbuhan komuniti masyarakat dan negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 yang semakin dekat.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya akan Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Bagi menyembahkan ucapan sepenuh-sepenuh menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah mencemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenaan mengenakan titah pada hari tersebut.

Sesungguhnya titah baginda penuh dengan sifat pemedulian kewibawaan serta keprihatinan baginda yang kasihkan rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam dan didoakan juga semoga baginda serta kerabat Diraja sentiasa di bawah rahmat *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى جُا*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. *اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ*, marilah kita semua di dalam Dewan yang mulia ini mengucapkan syukur ke hadrat atas berkat doa berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerajaan baginda, kitani rakyat Brunei Darussalam menjalani norma baharu dalam pandemik *COVID-19* ini secara tenteram dan terkawal. Namun begitu, janganlah kitani leka malah teruskan usaha kitani mengikut *SOP* yang disarankan baik dalam acara rasmi ataupun persendirian mahupun di tempat kerja dan juga di rumah.

Hasil pendapatan negara yang tidak menentu dan ia menjadi agenda utama kepada semua untuk mengusahakannya termasuklah para belia dan profesional baik pihak kerajaan mahupun swasta. Graduan-graduan kitani bolehlah dikatakan cukup berani dalam menjalankan perusahaan kecil-kecilan malah ada yang berjaya dari sebagai seorang *job seeker* sehingga menjadi *job provider* kepada rakan-rakannya yang lain. Nah! tani sambut usaha 'bisidorang' ini. Trend kerja pada masa hadapan sentiasa berubah-ubah malah sudah adakah dasar kitani untuk menyokong

mereka. Kitani sudah ada gigekonomi mahupun kerjaya di bahagian *sector non-traditional* seperti *photographer, videographer*. Mereka yang terlibat dalam *e-sports, runners* yang kitani harapkan untuk membantu kitani mengambil dan menghantar barang malah bagi mereka yang *job hopping* setiap 2 atau 3 tahun untuk mencari rezeki ataupun prospek yang lebih baik.

Diharap dengan *Economic Blueprint* yang baharu dijalankan ataupun dilancarkan serta perjanjian serantau seperti *RCP the Regional Comprehensive Economic Partnership* dapat dirasakan impak positifnya oleh negara bagi menangani defisit kewangan kitani.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menyentuh mengenai pembangunan modal insan, sokongan dasar kitani untuk ibu bapa yang bekerja terutama untuk kaum ibu *اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ*, cukup terjaga dengan Dasar Cuti Beranak (*maternity leave*) serta gaji yang sama untuk lelaki dan wanita dalam rata-rata kerjaya yang ada di Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, isu pembangunan modal insan yang masih kitani bincangkan di Dewan ini sendiri serta *follow up* lagi semasa sesi permuzakarahannya bersama kementerian dan jabatan yang berkenaan masih ada yang belum penyelesaiannya yang diberikan.

Isu seperti *Paternity Leave Policy* atau Dasar Cuti Suami kerana isteri yang melahirkan anak, gangguan seksual

di tempat kerja mahupun juga penyedia perkhidmatan. Penjagaan anak untuk ibu bapa yang bekerja, penjagaan orang tua untuk yang berkeluarga serta keupayaan ibu bapa untuk menyediakan perumahan yang baik untuk keluarga mereka masih lagi menjadi perbincangan dan perhatian masyarakat kitani.

Isu-isu ini, jika tidak ditangani dengan secepatnya dan sebaiknya ia dapat menggugat kekuatan kestabilan kitani iaitu institusi kekeluargaan serta ia juga setentunya dapat mempengaruhi produktiviti kerja seseorang.

Saya cadangkan percepatkanlah dasar *Paternity Leave*, kukuhkanlah undang-undang mengenai *sexual harassment*, dukunglah ibu bapa yang berkerja untuk penjagaan anak dan ahli keluarga yang sudah berumur dengan menyediakan perkhidmatan penjagaan yang bersesuaian dan berpatutan serta pengkajian semula dasar perumahan kitani.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam titah baginda ada menyentuh mengenai Tabung Amanah Pekerja (TAP). Jika kitani ingati semula isu Tabung Amanah Pekerja ini bukanlah tidak pernah kitani bincangkan malah saya sendiri membangkitkannya pada tahun 2018 di Dewan yang mulia ini. Namun saya masih percaya usaha yang dijalankan masih dapat diberikan pembaikan. Jika ditanya kepada mana-mana pekerja yang menyumbang kepada TAP rata-rata mengatakan TAP mereka tidak cukup malah ada yang merasakan untuk

mengeluarkan saja simpanan mereka secepat-cepatnya. Nah! di sinilah kitani perlu memberi keyakinan kepada orang ramai akan kemampuan TAP ini.

Antara cadangan penambahbaikan:-

1. Mengukuhkan *investment* TAP dan SCP yang dapat memberikan pulangan yang lebih baik; dan
2. Jika kitani selama ini memberi kemudahan untuk menjawat awam dengan pinjaman pembelian kenderaan contohnya, kitani ubah *benefit* tersebut dengan diberi insentif kepada mereka yang menyimpan di TAP dengan skim-skim yang bersesuaian, ertinya dari menggalakkan orang kitani untuk menambah pinjaman kitani galakkan orang kitani untuk menyimpan dan *investment*.

Orang kitani semakin ramai yang menyedari kepentingan simpanan, *insurance*, *investment* dan juga *wealth management*. Akan tetapi TAP (Tabung Amanah Pekerja) harus juga berubah untuk memberikan perkhidmatan yang dapat menandingi ataupun sekurang-kurangnya sebagai alternatif yang baik kepada produk simpanan kewangan dari peringkat swasta bukan sahaja kerana diwajibkan untuk mana-mana pekerja untuk membuat sumbangan kepada TAP (Tabung Amanah Pekerja). Masa tidak menunggu, semakin lama kitani cuma bincangkan perkara TAP ini semakin ramai di luar sana akan tidak cukup dengan harapan TAP dan SCP dapat menampung hari tua mereka. Kitani segerakan dan selesai isu TAP ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat maju jaya kepada kitani semua kerana kitani mempengerusikan mesyuarat di peringkat *ASEAN* dan setentunya selama beberapa hari di Dewan ini nanti, 'kitani' membincangkan mengenai *COVID-19 Recovery* untuk negara khususnya dan rantau *ASEAN* secara amnya.

Saya akhiri dengan sebuah pemikiran untuk kitani semua iaitu pandemik *COVID-19* mencabar kemampuan dunia malah negara-negara maju dan kaya juga tunduk pada impak pandemik ini. Berbalik pada kitani di Negara Brunei Darussalam, berapa kuat kah kedayatahan kitani ataupun *how strong is our resilient* sebagai sebuah negara dan masyarakat menghadapi cabaran-cabaran seperti:

1. Menghadapi pandemik seterusnya dari kesediaan keseluruhan;
2. Menghadapi keruduman ekonomi ataupun bagi kitani, *what is after oil and gas?* sebagai sumber pendapatan negara. Adakah *Digital Economy* jawapannya dan jika ia apakah ataupun cukup kah persiapan kitani; dan
3. Penyelesaian - Mencari penyelesaian bagi isu-isu dasar yang masih *pending* dan belum selesai dibincangkan di Dewan ini dan dibawa ke muzakarah.

Terakhir sekali, kesiapan teknologi kitani adakah kitani bersedia memasuki revolusi industri keempat pada masa kini.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima Kasih Yang Berhormat Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Saya kira cukuplah dulu kitani membahaskan Usul ini dan kita terpaksa mengikut *SOP* yang dikemukakan oleh Kementerian Kesihatan, maka saya tangguhkan persidangan kita ini untuk kita berehat, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kita akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang ini nanti.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)